

## LAMPIRAN A

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN OPERASI MENEMBAK GAGAK****Syarat penyertaan**

1. Penyertaan hanya terhad kepada 20 peserta berlesen senjata api di daerah Port Dickson.
2. Peserta mestilah membaca dan memahami segala syarat, borang-borang yang telah diberikan dan kawasan larangan operasi menembak terlebih dahulu.
3. Borang yang disediakan boleh dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) sebelum tarikh tutup penyertaan iaitu pada **19 April 2024**.
4. Setiap peserta menembak perlu mengisi Borang Pelepasan dan Penepian Liabiliti seperti di **Lampiran C** dan Borang Penyertaan seperti di **Lampiran D**. Salinan lesen senjata api dan lain-lain dokumen perlu disertakan.
5. Tarikh operasi menembak gagak ditetapkan pada **30 Mei 2024 (Khamis)**. Sekiranya terdapat sebarang perubahan tarikh dan masa, pihak MPPD akan memaklumkan secara panggilan telefon atau hebahan Whatapp berkumpulan yang diwujudkan.
6. Setiap peserta mestilah menggunakan kenderaan sendiri untuk ke lokasi-lokasi yang ditetapkan.
7. Pihak MPPD akan memberi sumbangan bayaran insentif kepada penembak mengikut jumlah gagak yang diperolehi dengan kadar **RM5.00 seekor**.
8. Penyertaan ini adalah tertakluk setelah kebenaran diperoleh daripada PDRM.

**Peraturan operasi menembak**

1. Waktu pendaftaran peserta operasi menembak gagak akan bermula jam 7.00 pagi dan setiap peserta haruslah mendaftar. Tempat pendaftaran dan tempat pengiraan di meja Urusetia Dewan MPPD.
2. Setiap peserta menembak dikehendaki menunjukkan lesen senjata api yang diperakui oleh kerajaan semasa pendaftaran untuk disemak dan disahkan oleh pihak PDRM.
3. Setiap peserta mestilah membawa peluru sendiri dengan syarat-syarat PDRM.
4. **WAJIB** mendengar taklimat daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) tanpa pengecualian sebelum memulakan operasi tersebut.
5. Waktu Operasi Menembak gagak akan bermula jam **9.00 pagi dan berakhir jam 7.00 malam pada 30 Mei 2024**.

6. Peserta menembak perlu mendapat keizinan untuk memasuki kawasan premis atau hakmilik persendirian sekiranya ingin mengambil gagak yang ditembak.
7. Sebarang kecederaan dan kerosakan terhadap diri, orang awam dan harta benda awam adalah tanggungjawab peserta.
8. Tidak ada tuntutan pampasan oleh mana-mana peserta dan orang awam sekiranya berlaku bencana dan kerosakan yang dilakukan oleh peserta.
9. Mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM)
10. Tuan Yang Dipertua berhak menarik sebarang penyertaan dan operasi ini sekiranya terdapat sebarang percanggahan perundangan dan peraturan yang ditetapkan.

**ARAHAN****YANG DIPERTUA****MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

## LAMPIRAN B

**KAWASAN LARANGAN OPERASI MENEMBAK GAGAK**

1. Sekitar kawasan Hospital Kerajaan dan Swasta
2. Semua tempat beribadat
3. Kawasan sekolah
4. Taman permainan kanak-kanak
5. Kawasan Pejabat Kerajaan
6. Sekitar Stesen minyak
7. Sekitar kawasan Pasar
8. Kawasan-kawasan Kilang Penapisan Minyak
9. Kawasan stesen pemancar
10. Kawasan 'Transmission Lines'
11. Kawasan Pelabuhan

**KAWASAN TAMBAHAN LARANGAN UNTUK MENEMBAK**

1. Stesen Janakuasa Tunku Jaafar
2. Pencawang-pencawang / tiang-tiang / Substation elektrik dan apa bentuk kepunyaan TNB
3. Kawasan Hengyuan Refining Company (dikenali sebagai SHELL)
4. Kawasan PETRON Malaysia Refining
5. Pelabuhan -pelabuhan atau jeti nelayan.
6. Tertakluk kepada lokasi larangan yang dinyatakan oleh PDRM semasa operasi menembak

**ARAHAN****YANG DIPERTUA****MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**